

# Pendedahan di UUM bukti dakwaan PM benar

UM 26 AUG 2001

KLANG 25 Ogos — Pendedahan Universiti Utara Malaysia (UUM) bahawa terdapat pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam gerakan bawah tanah, menjadi bukti nyata kepada kenyataan Perdana Menteri sebelum ini bahawa ada pelajar lebih mengutamakan politik daripada pelajaran.

Pengerusi Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UUMNO Luar Negara, Datuk Noh Omar berkata, sebelum ini pun Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkali-kali melahirkan rasa ke-

sal dengan golongan pelajar yang mengutamakan kegiatan politik hingga menyebabkan mereka gagal dalam pelajaran.

Katanya, langkah UUM itu harus dicontohi oleh institusi pengajian tinggi (IPT) lain di negara ini supaya pelajar dan pensyarah tidak menjadikan IPT untuk kegiatan jihad militan.

Kelmarin, Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri mendedahkan bahawa UUM sedang menyiasat empat pelajar dan seorang

pensyarahnya yang disyaki terlibat dalam gerakan jihad bagi menegakkan negara Islam sekalipun dengan menggunakan kekerasan.

Empat pelajar berkenaan masing-masing berasal dari Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Sabah.

Noh menambah, pendedahan UUM itu juga membuktikan bahawa IPT di negara ini mula digunakan sebagai medan untuk meluaskan pengaruh oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Sehubungan itu langkah

tegas haruslah diambil termasuk oleh pihak pengurusan universiti sendiri bagi memastikan IPT tidak diresapi oleh anasir-anasir jahat, katanya di sini.

Beliau berkata, selain UUM, kemungkinan terdapat pelajar dan pensyarah dari IPT lain di negara ini yang turut terbabit dalam kegiatan yang sama.

“Dalam hal ini, semua pihak IPT harus berwaspada dengan kegiatan seumpamanya kerana ia akan menghancurkan masa depan negara dan generasi akan datang,” katanya.